

**SOALAN NO: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**

**TARIKH: 17 JUN 2014**

**SOALAN:**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah aduan yang dibuat oleh pekerja di syarikat petroleum asing berkaitan dengan diskriminasi terhadap pekerja tempatan oleh pekerja asing dan jika ada aduan, adakah pekerja asing itu telah dihantar pulang ke negara mereka dan tidak dibenarkan masuk bekerja semula di Malaysia.

PR-1322-L63062

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, sehingga kini tidak ada aduan diterima daripada pekerja tempatan yang bekerja di syarikat petroleum asing berkaitan dengan diskriminasi terhadap mereka oleh pekerja asing.
2. Namun begitu, sekiranya terdapat sebarang kes berkaitan dengan diskriminasi berlaku, pekerja yang terlibat boleh mengemukakan aduan di Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran.